

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**MAJLIS PELANCARAN DIGITAL ENTREPRENEURSHIP ASNAF
(DEA)**

اونيورسيتي تكنولوجي كل مليسيا ملاك
" 12 Mei 2024 / 11.30 pagi

UNIVERSITY OF MELAKA
Tapak Kokurikulum UTeM

Dewan Kuliah FTKIP

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, mari kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapat kita semua bertemu pada pagi ini dalam **Majlis Pelancaran 'Digital Entrepreneurship Asnaf (DEA)'** di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

2. Izinkan saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk mengucapkan selamat datang kepada **Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)** yang turut bersama dalam merasmikan Majlis Pelancaran program 'Digital Entrepreneurship Asnaf (DEA)' yang bersejarah ini. Kedatangan Yang Berhormat Senator pada hari ini adalah satu detik bersejarah buat UTeM, dan kami di UTeM sangat berbesar hati dengan kehadiran YB Senator ke UTeM.

3. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada pihak Maybank Islamic kerana menaja program 'Digital Entrepreneurship Asnaf (DEA)' ini. Saya dimaklumkan program ini melibatkan hampir **150 orang peserta asnaf di Melaka** termasuklah asnaf wanita dan juga mualaf. Kami juga rasa bertuah kerana hampir lebih **20 orang peserta daripada UTeM yang turut terpilih sebagai peserta DEA dan layak menerima dana bantuan zakat daripada penaja utama iaitu Maybank Islamic.**

4. Para peserta DEA bukan sahaja akan dibimbing oleh para mentor yang berpengalaman luas dalam pemasaran digital, bahkan para peserta turut diberikan elaun bulanan, sebuah

tablet dan pelbagai kemudahan lagi termasuklah dipantau sepenuhnya oleh pihak Sinergi Ilmu Resources (SIR), JAKIM, MAIM dan juga Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE), UTeM. Diharapkan kerjasama di antara UTeM dengan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan DEA ini akan berterusan pada masa akan datang.

5. Pada hari ini juga dimaklumkan sebagai Corporate Social Responsibility (CSR), pihak Sinergi Ilmu Resources (SIR) juga turut bermurah hati untuk memberikan latihan dan juga **menaja sebahagian besar kos (bukan dari dana zakat) untuk program yang dinamakan Teknik 'Editing' Video @ Capcut: Pemasaran dan Menjual Di TikTok.** Penajaan ini

pula melibatkan lebih daripada 100 peserta (bukan peserta DEA) yang kebanyakannya adalah dalam kalangan B40. Keseluruhan manfaat dan tajaan yang diterima oleh warga UTeM sahaja bagi keseluruhan program Kerjasama ini dianggarkan **lebih RM60,000.00**. Terima kasih sekali lagi diucapkan.

6. Saya amat berharap agar kerjasama yang terjalin ini akan berterusan dan hubungan yang terjalin erat dapat dimanfaatkan oleh warga UTeM khususnya kepada para pelajar asnaf UTeM dalam mencapai visi universiti dalam melahirkan lebih ramai usahawan yang berasaskan teknologi dan TVET. Kerjasama ini juga secara tidak langsung akan

membantu memperkukuhkan lagi usaha-usaha kerajaan dalam menjadikan "Keusahawanan sebagai Kerjaya Pilihan." Ini seterusnya akan membuka pintu kepada lebih banyak peluang pekerjaan, menggalakkan lagi penghasilan inovasi, mengurangkan pengangguran, dan seterusnya memperkayakan ekonomi negara kita.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

7. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana pada hari ini turut berbesar hati untuk memberikan **sumbangan kepada 9 orang para pelajar UTeM yang mengambil Program Pensijilan**

Tahfiz Al-Quran dengan Kerjasama Darul Quran JAKIM. Di UTeM program persijilan tahfiz ini lebih dikenali sebagai Tahfiz TVET Darul Quran JAKIM.

8. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran dengan Kerjasama JAKIM-UTeM ini telah bermula sejak 2016 lagi dengan permulaan 18 orang pelajar pada pengambilan pertama. Sehingga kini terdapat lapan **(8) kohort pelajar** yang telah mendaftarkan diri menyertai program ini. Berdasarkan rekod kami, daripada lapan (8) kohort ini, seramai **25 orang pelajar telah berjaya mendapatkan sijil khatam Al-Quran JAKIM.** Sehingga kini yang sedang mengikuti program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Kerjasama Darul Quran JAKIM pada tahun ini adalah seramai

9 orang. Kami di UTeM sangat menyahut baik kerjasama JAKIM-UTeM bagi program pensijilan tahfiz ini. Ia juga dilihat sebagai langkah strategik dalam mewujudkan model pendidikan tahfiz peringkat pengajian tinggi yang cemerlang dan melahirkan lebih ramai mahasiswa/ mahasisiwi yang celik dunia serta akhirat.

9. Akhir kata, saya berharap kerjasama antara CREATE, HEPA, UTeM dan agensi yang terlibat khususnya Maybank Islamic, JAKIM, MAIM dan juga Sinergi Ilmu Resources (SIR) ini akan terus terjalin erat. Kami di UTeM bersedia untuk penganjuran program-program lain bersama. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada CREATE, HEPA selaku JK

Pelaksana atas penganjuran program pada hari ini dan saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada **Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli Hasan** kerana sudi berkunjung ke UTeM pada hari ini.

Pohon Sirih Pohon Selasih,
Tumbuh Merimbun Di Hujung Laman,
Kalungan Budi Junjungan Kasih,
Menjadi Kenangan Sepanjang Zaman.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih